

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN BAGI GOLONGAN KELAINAN UPAYA MENTAL: ANALISIS DARI SUMBER TRADISI ISLAM

Siti Patonah Mohamad¹, M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff^{1,2} dan
Durriyyah Sharifah Hasan Adli³

¹Akademi Pengajian Islam, ²Centre of Quranic Research dan ³Fakulti Sains
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

E mails of Corresponding Authors: durriyyah@um.edu.my and sitipatonah@um.edu.my

ABSTRACT

Person with disability (PWD) can be defined as an individual who cannot perform/ having problems with handling daily activities in a normal way (either in total or in part), due to the lack and/or defects in their physical being or mental health. Mental disabilities, such as autism and dyslexia, are commonly caused by disturbances of neural circuit and the structure of the neuronal cell, itself. Past studies on the reading capability of the mentally challenged individuals have been done, but none involving the reading of al-Quran. Currently, the reading of al-Quran capability by this group is limited, as there is no specific technique of teaching and learning for them. Al-Quran is considered as an antidote and a blessing for Muslims, in fact the recitation of Surah al-Fatihah (first surah) is obligatory in a prayer/ solat. Therefore, various methods have been put forward to facilitate Muslims to learn to read al-Quran such as al-Baghdadi and Iqra' techniques. However, none or very few of these techniques are being applied to the mentally challenged group. Hence, this article focused on the autistic group and aimed to reveal methods of teaching of al-Quran sourced from the Islamic tradition (the Quran, hadith and writings of Islamic scholars). Employing documentation method and analysis of Islamic tradition sources, this preliminary study was conducted prior to an advance study focusing on the efficiency of techniques used in teaching al-Quran reading to autistic children. Although the methods needed to teach al-Quran to people with disabilities are not specifically mentioned in the sources from Islamic tradition, however, there is information from which guidelines applicable in the teaching of al-Quran for them can be formed.

PENGENALAN

Orang kelainan upaya (OKU) adalah satu terminologi yang tidak asing di Malaysia. Akta OKU 685 yang dikuatkuasakan pada tahun 2008 mendefinisikan istilah 'orang kurang upaya' sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan keberkesanan mereka dalam masyarakat (Undang-undang Malaysia 2008). Terminologi 'orang kelainan upaya' merupakan satu revolusi

daripada 'orang kurang upaya' kerana istilah asal menggambarkan satu kondisi yang lemah, sedangkan di Malaysia sendiri pernah dilaporkan kemampuan kanak-kanak autistik menggondol enam (6) pingat emas dalam kejohanan Sukan Olimpik Istimewa Dunia di Athens (Sahib 2012).

Kementerian Pembangunan dan Inovasi Sosial, Britain telah mentakrifkan orang kelainan upaya seperti berikut:

"A 'Person with Disabilities' designation identifies a person with a physical or mental impairment who is significantly restricted in his or her ability to perform daily living activities either "continuously or periodically for extended periods" and, as a result of these restrictions, requires assistance with daily living activities."

(British Columbia 2012)

Justeru, mana-mana individu yang kehilangan dan/atau cacat sama ada pada anggota fizikal dan/atau mental, sebahagiannya dan/atau keseluruhannya yang terjadi sebelum (seperti gangguan pada litar neural semasa dalam kandungan) atau selepas kelahiran (seperti kemalangan) boleh dianggap orang yang berlainan upaya. Tidak semua yang tergolong dalam kumpulan ini lemah, bahkan terbukti mereka mampu bermandiri dalam sesetengah bidang sebagaimana mereka yang sempurna akal dan fizikal (Abdullah 2012).

Terdapat beberapa kategori bagi OKU, antaranya yang mempunyai masalah akal, masalah pendengaran, masalah penglihatan, masalah anggota dan masalah pembelajaran (Mohamed 2006). Menerusi laman web Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, kategori OKU yang dirangkakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti dalam **Jadual 1**, di mana autisme dan sindrom down dikategorikan di bawah masalah pembelajaran.

Jadual 1: Kategori Orang Kelainan Upaya

Bil	Kategori	Definisi
1	Kurang upaya pendengaran	Kepelbagaian tahap masalah pendengaran sama ada dengan/tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran
2	Kurang upaya penglihatan	Penglihatan yang terhad atau tidak dapat melihat di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan
3	Kurang upaya fizikal	Individu yang kehilangan/kekurangan pada mana-mana bahagian badan disebabkan ketidakupayaan sistem badan untuk berfungsi dengan baik dan menyukarkan pelaksanaan aktiviti harian
4	Kurang upaya pertuturan	Gagal bertutur dengan baik yang mengakibatkan gangguan komunikasi secara sempurna oleh mereka yang berinteraksi dengannya

5	Masalah pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biological, seperti autisme dan sindrom down
6	Kurang upaya mental	Keadaan pesakit mental yang teruk walaupun setelah mendapatkan rawatan mental sekurang-kurangnya selama dua (2) tahun
7	Kurang upaya pelbagai (<i>multiple disabilities</i>)	Mempunyai lebih daripada satu (1) jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak diklasifikasikan dalam kategori-kategori di atas

Masalah pembelajaran didefinisikan sebagai masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran lazimnya turut menghadapi masalah dalam hubungan sosial dan komunikasi, serta menunjukkan tingkah laku yang abnormal (Singh dan Chowdhary 2009). Kajian di Amerika mendapati peningkatan gejala autistik melonjak dari nisbah 1 per 166 orang kepada nisbah 1 per 150 orang (Zhang 2008). Kajian terbaru yang dibuat oleh *Centers for Disease Control and Prevention's* (CDC) menyatakan pertambahan gejala autisme dalam kalangan kanak-kanak; nisbah kanak-kanak autistik pada tahun 2007 adalah 1:86 sedangkan pada tahun 2011-2012 adalah 1:50.

Kemampuan untuk membaca bergantung pada aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta sistem saraf yang berfungsi dengan sempurna. Sel neuron merupakan unit paling asas yang berperanan dalam semua aktiviti sistem saraf (Kandel dan Schwartz 1985). Kesempurnaan sistem saraf secara keseluruhan akan melancarkan proses penghantaran maklumat dari rangsangan yang dikesan oleh reseptor. Sebagai contoh, organ mata menerima rangsangan menerusi reseptor di retina dan maklumatnya dihantar ke bahagian otak tertentu bagi menafsir maklumat yang diterima. Namun, kanak-kanak autistik masih lemah dalam pembelajaran untuk membaca walaupun sempurna anggota badan (Mohamed Jamila 2005). Ini adalah kerana pemprosesan oleh sistem saraf untuk memberi makna kepada rangsangan yang diterima tidak berlaku dengan baik.

Setakat ini masih kurang kajian atau pendokumentasian melibatkan pengajaran al-Quran bagi kanak-kanak kelainan upaya intelek (seperti autisme) dilakukan. Walaupun pelaksanaan sesuatu kaedah pengajaran bagi golongan istimewa ini merupakan suatu perkara yang sukar, namun menjadi tuntutan semua dalam memastikan hak mereka dalam membaca al-Quran tidak terabai.

AUTISME

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) edisi ke-empat, autisme adalah satu gangguan mental yang mula muncul pada peringkat kanak-kanak yang mengakibatkan seseorang berkelakuan tidak normal dan sukar berkomunikasi dengan masyarakat (Baharom 2005). Biasanya, gejala autisme dapat dikenal pasti seawal usia tiga tahun selepas kelahiran (Plimley et al. 2007). Tiga kriteria utama individu dengan autisme adalah masalah berkomunikasi, masalah dalam bersosial dan keterbatasan dalam aktiviti dan

minat (Rowland 2005). Pelbagai kajian telah dilakukan bagi menentukan punca sebenar gangguan mental ini, antaranya adalah seperti yang dijadualkan dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Punca Masalah Autisme

Faktor	Huraian	Penulis/ Tahun/ Artikel/
Persekitaran dan Genetik	Kebarangkalian sebuah keluarga mendapat anak autistik bertambah jika terdapat anak-anak yang sudah disahkan menghadapi gangguan mental. Faktor genetik melibatkan 38% kebarangkalian risiko autisme dan selebihnya dipengaruhi oleh faktor persekitaran.	• (Hessl et al. 2001) <i>The Influence Of Environmental and Genetic Factors on Behavior Problems and Autistic Symptoms in Boys and Girls with Fragile X Syndrome</i>. • (Digitale 2011) <i>Non-Genetic Factors Play Surprisingly Large Role in Determining Autism, Says Study by Group</i>.
Bahan suplemen/ kimia	Ubat penenang (<i>anti-depressant</i>) dalam kadar sederhana mampu meningkatkan risiko simptom autisme jika diambil oleh ibu di awal kandungan.	• (Croen et al. 2011) <i>Antidepressant Use During Pregnancy and Childhood Autism Spectrum Disorders</i>.
Neurologi	Ketidakfungsian "neuron cermin" (<i>mirror neuron</i>) dalam individu autisme mengakibatkan kegagalan bertindak balas/ meniru gerakan orang lain.	• (Oberman et al. 2005) <i>EEG Evidence for Mirror Neuron Dysfunction in Autism Spectrum Disorders</i>.

Kanak-kanak autistik boleh diklasifikasikan di bawah dua kategori, iaitu (a) Autisme Berfungsi Tinggi (*High-Functioning Autism*, HFA), dan (b) Autisme Berfungsi Rendah (*Low-Functioning Autism*, LFA). Pengelasan ini dibuat berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti darjah kecerdasan (*intelligence quotient*), kemampuan berkomunikasi (verbal atau bukan-verbal) dan kemampuan berdikari (Woerkom 2010). Namun, perbezaan ini tidak digariskan dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* kerana masih tidak disepakati (Klin 2006).

Di Malaysia, beberapa pertubuhan seperti *The National Autism Society of Malaysia* (NASOM), Institut Masalah Pembelajaran dan Autisme (*The IMPIAN Institute*) dan *Autism Link Malaysia* merupakan antara pusat pendidikan bagi masalah autisme. Kebanyakan institusi ini menawarkan perkhidmatan seperti terapi pertuturan, terapi gunaan analisis kelakuan (*applied behavior analysis therapy*, ABA) dan terapi integrasi sensori (*sensory integration therapy*, SI) dalam usaha meningkatkan keupayaan kognitif, afektif dan psikomotor mereka.

Teknik yang digunakan di kebanyakan pusat pendidikan dan asuhan kanak-kanak autistik lebih menekankan kepada kemampuan membaca, mengira dan/atau aktiviti sosial. Namun tidak banyak kajian atau pendokumentasian yang dilakukan mengenai

kemampuan mereka dalam membaca al-Quran. Bagi komuniti Muslim, kekurangan ini perlu diberi perhatian yang serius kerana kemampuan membaca al-Quran yang merupakan penawar dan rahmat adalah amat penting, terutamanya kerana pembacaan surah al-Fatihah adalah wajib dalam solat.

Kajian ini memfokuskan kepada golongan autistik dan bertujuan menyingkap kaedah pengajaran membaca al-Quran dalam tradisi Islam, yang berteraskan kepada al-Quran, hadis dan penulisan sarjana Islam.

METODOLOGI

Menggunakan kaedah dokumentasi serta analisis sumber tradisi Islam, kajian ini memberi tumpuan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan golongan kurang upaya intelek. Sumber rujukan utama melibatkan al-Quran dan hadis-hadis sahih, seperti hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim. Kajian literatur juga turut menggunakan sumber-sumber rujukan seperti kertas kerja penyelidikan, tesis, buku, jurnal dan prosiding sebagai panduan. Pencarian atas talian (*online*) menggunakan enjin gelintar (seperti *Google Scholar* dan *Google Book*), pangkalan data (seperti *ScienceDirect*) serta laman web berautoriti (seperti *lidwa.com* dan *islamweb.net*). Kata kunci carian adalah seperti '*autism*', '*teaching and learning*', '*education for special need*' dan '*brain disorders*'.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

KEPENTINGAN DAN KELEBIHAN AL-QURAN

Pengajian al-Quran merupakan subtopik dalam pengajian Islam yang merupakan ilmu fardhu ain dan asas kepada ilmu-ilmu lain (Amin Al-Muqri 2012). Dalam era kecemerlangan tamadun keilmuan Islam, pengajian al-Quran merupakan ilmu asas bagi tokoh-tokoh cendekiawan terdahulu, seperti Ibn Nafis, Ibn Sina dan Imam Syafi'i yang mendalami serta berupaya menghafal al-Quran sejak dari kecil lagi. Kelebihan bagi individu yang belajar, membaca, mengajar, menghafal dan mendengar al-Quran banyak terdapat dalam al-Quran mahupun dalam hadis-hadis sahih seperti dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Kelebihan Belajar Membaca-Mendengar Al-Quran

Kelebihan	Petikan Al-Quran/ Hadis	Maksud
Diangkat martabat sebagai kumpulan yang baik	خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ	Sebaik-baik kalian adalah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya. (HR Bukhari) (Al-Zubaidi 2004, 778) ¹
Mendapat rahmat	وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ	Dan apabila dibacakan al-Quran, maka hendaklah kamu semua mendengarnya dan diam, mudah-mudahan kamu semua beroleh rahmat. (Al-A'raf (7): 204)
Keutamaan dalam menjadi imam/ketua/pemimpin	إِذَا كَانُوا ثَلَاثَةً فَلْيُؤَمِّهُمْ أَحَدُهُمْ وَأَحَقُّهُمْ بِالْإِمَامَةِ أَقْرَوُهُمْ	Jika seseorang bertiga, hendaklah salah seorang di antara mereka menjadi imam, dan yang paling berhak menjadi imam adalah yang paling banyak hafalan al-Qurannya. (HR Muslim) (Salih 2000, 782) ²
• Diangkat martabat sebagai mulia dan berbakti seperti malaikat penulis amal • Ganjaran pahala berlipat ganda bagi yang membaca dalam kesulitan	الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ، وَالَّذِي يَقْرَأَ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ، وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ	Orang yang pandai membaca al-Quran akan bersama para penulis (malaikat penulis amal) yang mulia lagi berbakti. Adapun orang yang membaca al-Quran dengan gagap sehingga dalam membacanya merasa kesulitan akan mendapat dua kali pahala. (HR Muslim) (Al-Mindziri 2004, 1230) ³

Bagi individu Muslim, ilmu berkaitan al-Quran perlu diutamakan. Surah pertama dalam al-Quran, al-Fatihah, menjadi paksi kepada solat, iaitu rukun Islam kedua yang disamakan pelaksanaannya dengan menegakkan agama itu sendiri. Membaca surah al-Fatihah

¹ Kitab kelebihan al-Quran, Bab: sabda Nabi SAW: 'Yang terbaik di antara kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain'. no. hadis: 1817

² Kitab: Masjid dan tempat-tempat solat, Bab: Siapa yang berhak menjadi Imam? no. hadis: 1529.

³ Kitab: Kelebihan al-Quran, Bab: Tentang orang yang lancar membaca al-Quran dan yang kesulitan. no. hadis: 2105

merupakan rukun⁴ solat yang perlu dilaksanakan. Pendapat yang menyatakan ia adalah fardhu bersandarkan kepada dalil berikut (Al-Jaziri 2010):

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Tiada solat bagi sesiapa yang tidak membaca surah al-Fatihah.

(HR Bukhari dan Muslim)

Belajar untuk membaca al-Quran memerlukan langkah dan teknik yang bersesuaian mengikut tahap mental atau intelektual seseorang. Dari proses mengenali dan mengenal huruf-huruf *hijaiyah* (seperti ا, ب, ت) kepada proses mengeja dan membaca setiap suku kata atau kalimah Arab yang terkandung dalam mushaf al-Quran, sistem saraf perlu berfungsi dengan baik; contohnya dari aspek penghantaran maklumat, rangsangan hinggalah mengingatnya. Mutakhir ini, wujud pelbagai metode yang diketengahkan untuk memudahkan umat Islam belajar membaca al-Quran, seperti teknik *al-Baghdadi* dan *Iqra'*, namun secara praktikal dilihat kurang/ tidak diaplikasikan terhadap golongan kelainan upaya mental.

Tanpa asas dan kaedah yang betul, kemahiran membaca al-Quran tidak akan mudah dicapai oleh individu normal, apatah lagi bagi kanak-kanak autistik yang mempunyai kesukaran dalam memahami dan menerima input baru.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI ORANG KELAINAN UPAYA

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) melibatkan interaksi dua hala antara guru dan murid. Di samping itu juga, beberapa faktor seperti emosi guru dan murid, persekitaran bilik darjah dan kaedah yang digunakan dalam menyampaikan maklumat kepada murid memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran proses P&P (Dalip 1992).

Kaedah P&P yang berkesan adalah menepati piawaian pengajaran dan menghasilkan output serta mencapai objektif yang ditetapkan. Proses pengajaran akan terhasil apabila murid fokus terhadap apa yang disampaikan oleh gurunya. Jika terdapat tindak balas dan idea baru yang dapat ditimbulkan sewaktu pembelajaran, ini bermaksud murid tersebut mampu memanipulasi kemahiran kognitifnya secara sebenar.

P&P bagi orang kelainan upaya (OKU) memerlukan teknik dan kaedah yang sesuai dengan tahap mental mereka. Para pendidik perlu lebih bersedia menghadapi kerenah golongan ini berbanding murid yang normal, kerana mereka berbeza dari segi kemampuan dan keupayaan fizikal dan/atau mental. Sesetengah pihak mengambil langkah mudah seperti tidak menghantar anak-anak kelainan upaya ke sekolah harian biasa kerana

⁴ Rukun solat terbahagi kepada tiga; *qauli* (perkataan), *fi'li* (perbuatan) dan *qalbi* (hati). Membaca surah al-Fatihah merupakan rukun qauli yang wajib dilafazkan ketika solat.

khuatir tingkah laku anak-anak yang berbeza dari murid-murid lain akan menimbulkan pelbagai perkara negatif (Samadi dan McConkey 2011).

Dalam Islam, konsep pendidikan tidak terbatas kepada sesuatu golongan tertentu. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud “*sampaikan daripadaku walaupun satu ayat*” (Salih 2000) jelas menampakkan kepentingan pendidikan tanpa mengira status dan keadaan penerima. Pengabaian pendidikan terhadap golongan ini tidak sepatutnya berlaku kerana mereka mempunyai hak dalam mempelajari setiap ilmu yang ada. Surah ‘Abasa (80), ayat 1-4 yang diturunkan di Mekah ada menyebut tentang hak orang buta dalam mendalami ilmu:

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۖ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ۚ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَكَّى ۚ
أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى ۚ

*Dia (Muhammad) bermasam muka dan berpaling, kerana telah datang seorang buta kepadanya. Tahukah kamu barangkali dia ingin membersihkan dirinya (dari dosa), atau dia (ingin) mendapatkan pengajaran, lalu pengajaran itu memberi manfaat kepadanya?*⁶

Dalam ayat ini, Allah SWT menegur Nabi Muhammad SAW yang leka melayan pembesar kaum Musyrikin Mekah sehingga tidak dapat melayan persoalan seorang lelaki buta yang mendatangi Baginda. Ini kerana Baginda mengharap para pembesar tersebut memeluk Islam dan seterusnya dapat menyebarkan ajaran Islam kepada kaum mereka. Teguran Allah SWT ini adalah supaya Nabi Muhammad SAW memberikan layanan yang sepatutnya kepada mereka yang bersedia menerima petunjuk sekalipun orang tersebut berlainan upaya (seperti buta), miskin dan tidak mempunyai pengaruh (Sayyid Qutb 2008).

GAYA PENGAJARAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Pedagogi pengajian al-Quran menghasilkan pelbagai teknik dan kaedah bagi memudahkan individu Muslim, khususnya dalam aktiviti-aktiviti pengajian al-Quran seperti mengenal hukum-hukum tajwid dalam al-Quran serta menghafal. Di Malaysia, teknik *al-Baghdadi* dan *Iqra'* adalah contoh kaedah membaca al-Quran, manakala kaedah Jibril pula bagi hafalan. Mushaf al-Quran juga diolah menggunakan teknik warna bagi memudahkan pembelajaran hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam al-Quran.

⁵ Kitab: Hadis-hadis yang meriwayatkan tentang para Nabi, Bab: Bani Israel, no. Hadis: 3461.

⁶ Ayat al-Quran dan terjemahan yang digunakan seterusnya diambil daripada perisian al-Quran dalam Microsoft Word dan Tafsir Ibn Katsir terjemahan ‘Abdullah.

i. Selaras dengan Kemampuan Murid

Beberapa aspek perlu ditekankan apabila berhadapan dengan golongan kurang upaya intelek. Proses pengajaran perlulah bersesuaian dengan tahap kemampuan murid. Teknik ini digunakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (Abu Ghuddah 2011):

Terjemahan:

Ketika kami sedang berkumpul bersama Nabi, seorang pemuda datang dan bertanyakan sesuatu kepada Baginda: 'Wahai Rasulullah, bolehkah saya mencium (isteri saya) ketika saya sedang berpuasa?' Nabi menjawab: 'Tidak boleh'. Setelah itu datang seorang lelaki tua dan bertanyakan tentang hal yang sama: 'Bolehkah saya mencium (isteri saya) ketika saya sedang berpuasa?' Nabi menjawab: 'Ya, boleh'. Maka kami pun saling berpandangan (merasa hairan), Rasulullah pun lalu menjelaskan: 'Saya tahu kenapa kalian saling berpandangan, (ketahuilah) sesungguhnya orang tua itu lebih dapat mengekang hawa nafsunya (hasrat seksual).'

Walaupun soalan yang diutarakan adalah sama, Baginda memberikan jawapan bersesuaian dengan keadaan orang yang bertanya. Begitu juga dalam pembelajaran, teknik pengajaran perlu dilihat bersesuaian dengan tahap intelektual atau kemahiran murid. Bukan sahaja terdapat perbezaan antara murid normal dengan kanak-kanak autistik, malah di kalangan anak-anak autistik itu sendiri terdapat corak pemikiran yang berbeza.

ii. Teori Pelaziman Operan

Selain meningkatkan keberkesanan pembelajaran, penggunaan ganjaran/ peneguhan⁷ dalam proses P&P dilihat sebagai satu inisiatif untuk 'mengawal' situasi pembelajaran kanak-kanak autistik. Ganjaran merupakan satu bentuk pendekatan psikologi yang melibatkan emosi seseorang. Eksperimen 'Kotak Skinner' menunjukkan sesuatu perbuatan akan sentiasa diulangi jika wujud ganjaran yang digemari dan terhenti apabila ganjaran tersebut hilang/ terputus (Skinner 1988). Dua jenis peneguhan yang biasa digunakan, iaitu (a) peneguhan positif: pemberian hadiah/ pujian/ sokongan terhadap sesuatu perlakuan yang akan meningkatkan kebarangkalian ia diulangi lagi, dan (b) peneguhan negatif: pemberian rangsangan yang tidak selesa supaya kebarangkalian suatu tingkah laku diulangi menurun (Bajuri et al. 2012).

Teknik ini banyak terdapat dalam al-Quran, sebagaimana yang dilaporkan oleh Syed Bidin dan Mohd Yusoff (2006) bahawa hampir keseluruhan al-Quran menggunakan modul

⁷ Peneguhan merupakan satu tindakan yang dilakukan untuk melazimkan atau menghentikan sesuatu perbuatan

tabisyir (penyampaian berita gembira) dan indhar (ancaman). Contohnya dari surah al-Baqarah (2): 3-5:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ
 وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ
 هُمْ يُوقِنُونَ ۖ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ
 الْمُفْلِحُونَ

(Yaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat, dan menafkahkan sebahagian rezki yang kami anugerahkan kepada mereka. Dan mereka yang beriman kepada Kitab (Al Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang beruntung.

Ganjaran yang bersifat positif dijanjikan kepada individu Muslim yang melaksanakan perintah-Nya serta yakin dan beriman kepada janji-janji Allah. Terdapat pula unsur ugutan bagi sesiapa yang meninggalkan perintahnya, seperti solat, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abi Sufyan (Salih 2000):

إِنْ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشَّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرَكُ الصَّلَاةِ

Batasan antara seseorang dengan syirik dan kafir adalah meninggalkan shalat⁸.

Ganjaran memberi kesan terhadap emosi yang memainkan peranan merubah psikologi seseorang dengan mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku individu tersebut (Cherry 2013). Kajian yang dilakukan oleh Roslan dan Abdullah (2011) menunjukkan keberkesanan kaedah ganjaran positif (dalam bentuk wang ringgit) dalam memanipulasikan penglibatan murid dalam kelas pendidikan jasmani.

Dalam mendidik anak-anak autistik, ganjaran/ peneguhan positif dan negatif perlu ada dalam modul pengajaran kerana golongan istimewa ini juga mempunyai perasaan dan emosi. Dr. Susan Bookheimer, Profesor Bahagian Kognitif Neurosains di Universiti of California, Los Angeles dalam rancangan 'Breakthroughs: Autism' (bahagian empat) menyatakan tiada perbezaan yang jelas antara otak kanak-kanak normal dan kanak-kanak

⁸ Kitab: Iman, Bab: Keterangan menyatakan kekafiran bagi sesiapa yang meninggalkan solat, No. Hadis: 246.

autistik (Big Think Editors 2011). Mereka juga mempunyai emosi sama seperti kanak-kanak normal, cuma mereka keliru dalam mentafsir emosi orang lain.

iii. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Bentuk Kontemporari

Bahan bantu mengajar adalah satu komponen penting dalam proses P&P. Salah satu kejayaan seseorang guru dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar adalah melalui BBM yang efektif dan mesra pelajar. Dalam era teknologi sekarang, penggunaan medium berasaskan perisian berbantuan komputer (PBK) merupakan satu metode yang rancak dijalankan. Contohnya, pelbagai perisian yang menarik direka untuk memudahkan murid-murid memahami subjek yang diajar (Ali dan Man 2011; Idris dan Anis 2007; Mokhtar 2004). Lambakan peranti terkini di pasaran seperti iPad, iPod dan tablet memudahkan ibu bapa atau guru memuat turun aplikasi yang bersesuaian untuk anak-anak mereka. Kebanyakan aplikasi yang digunakan menekankan konsep belajar sambil bermain (permainan) bagi menarik minat murid. Aplikasi yang digunakan juga mempunyai latar belakang yang menarik seperti penggunaan warna-warna yang ceria serta dilengkapi audio yang mampu membangkitkan semangat belajar.

Saidina Umar al-Khattab pernah berkata, '*didiklah anak-anak kamu mengikut zamannya*' (Sulaiman 2006). Penggunaan BBM dengan kaedah yang bersesuaian dalam mengajar mengaji al-Quran yang selaras dengan perkembangan teknologi sekarang perlu digunakan, terutamanya untuk kanak-kanak autistik. Walaupun adab berguru dalam mencari ilmu merupakan sunnah Rasulullah SAW seperti baginda berguru dengan perantaraan malaikat, namun keperluan masa kini seperti iPad merupakan BBM tambahan yang boleh meningkatkan kemahiran kognitif murid.

iv. Takrir (Repetition)

Takrir adalah salah satu proses pembelajaran yang diajar dalam Islam. *Takrir* berasal dari perkataan Arab *karrara*, bererti perbuatan yang diulang-ulang. Menurut ahli neurologi dari University of Cambridge, individu normal mampu mengingati perkataan baru dalam 14 minit dengan hanya mengulangi perkataan tersebut sebanyak 160 kali (Adam 2010). Dalam tradisi Islam, kaedah *takrir* atau pengulangan sering diguna pakai dalam sistem hafalan (Mohamed et al. 2012). Ini penting kerana perkataan atau surah yang sentiasa diulang akan melibatkan pemindahan ingatan jangka pendek kepada ingatan jangka panjang yang akan disimpan di otak.

Kanak-kanak autistik mempunyai kemahiran mendengar walaupun mereka tidak fokus terhadap apa yang dibacakan kepada mereka. Pengulangan surah-surah tertentu oleh individu kedua seperti guru yang diperdengarkan ke atas mereka berkemungkinan akan menghasilkan kesan yang positif; iaitu mereka mampu mengingati surah yang dibacakan. Namun, masih tiada bukti yang boleh menyokong teori tersebut.

KESIMPULAN

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memastikan setiap individu Muslim mempunyai kemahiran dalam membaca al-Quran. Penerapan ilmu al-Quran dalam jiwa remaja masa kini dilihat amat penting terutamanya apabila keruntuhan akhlak dan budaya Islam kerap berlaku. Pengajian al-Quran bukan sahaja perlu disalurkan kepada kanak-kanak normal, malah hak bagi kanak-kanak istimewa tidak harus diketepikan dalam memenuhi tuntutan sebagai Muslim yang sempurna.

Menggunakan BBM yang selari dengan perkembangan teknologi terkini seperti iPad atau tablet mampu menarik minat golongan ini dalam usaha mengajar mereka mengaji al-Quran. Selain itu, pengajaran secara berhemah dengan mengamalkan konsep *tabasyir* dan *indhār* perlu disesuaikan dalam aktiviti P&P bagi memastikan kelangsungan minat mereka dalam pengajian al-Quran.

Proses P&P yang efektif adalah satu langkah yang amat penting dalam konteks pendidikan. Kaedah P&P bagi kanak-kanak kelainan upaya perlu disesuaikan dengan corak pemahaman dan keadaan mereka supaya proses pembelajaran tidak akan membebankan mereka. Dalam mendidik anak-anak kelainan upaya; terutamanya yang melibatkan masalah intelek, memerlukan pelbagai teknik dan pendekatan kerana setiap murid mempunyai perwatakan yang berbeza. Peranan guru dalam penyebaran maklumat kepada anak didik adalah juga antara tunjang utama kejayaan proses pembelajaran seperti memperdengarkan ayat-ayat al-Quran setiap kali sesi pembelajaran diadakan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Universiti Malaya (UM) dan kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam memulakan kajian ini -- *Centre of Quranic Research (CQR)*, *Neuroscience Research Group (NeuroRG)* dan Akademi Fakih Intelek -- serta geran yang diperuntukkan oleh UM (PPP-PG062-2012B dan UMRG- RG059/09AFR).

BIBLIOGRAFI

- Abdullah, Mohamad. 2012. "Orang kelainan upaya atau orang kurang upaya." Berita Utusan, Ogos, 23. Diakses pada 2 Disember 2013. http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20120823/re_06/.
- 'Abdullah bin Muhammad bin 'Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh. 2008. Tafsir Ibn Katsir. Jakarta: Pustaka Imam Al-Syafi'i.
- Abu Ghuddah, Sheikh Abdul Fattah. 2011. 40 Strategi pendidikan Rasulullah. Selangor: Pelima Media Sdn Bhd.
- Adam, Stephen. 2010. "Can't learn a foreign language? Not true, say scientist." The Telegraph, Dis 15. Diakses pada 6 Jun 2013. <http://www.telegraph.co.uk/science/science-news/8200956/Cant-learn-a-foreign-language-Not-true-say-scientists.html>.
- Ali, Mohd Fadzli dan Fuziyah Man. 2011. Pembinaan perisian pembelajaran berbantuan komputer (PBK) jenis utorial berasaskan teori konstruktivisme matematik tingkatan satu – "Fraction." Kertas Kerja Tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Jaziri, Syeikh Abdurrahman. 2010. Kitab shalah fikih empat mazhab. Jakarta: PT Mizan Publica.
- Al-Mindziri, Zaki Al-Din Abd Al-Azim. 2004. Ringkasan Shahih Muslim. Selangor: Crescent News (KL) Sdn Bhd.
- Al-Zubaidi, al-Imam Zayn al-Din 'Abd al-Latif. 2004. Ringkasan Shahih Al-Bukhari. Selangor: Crescent News (KL) Sdn Bhd.
- Amin Al-Muqri, M.S. 2012. "Aku dan Al-Quran." Majalah Q&A, Mac 9.
- Baharom, Noresah, trans. 2005. Kamus Dewan. 4th ed. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Bajuri, Mohamad Khairudin, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2012. Penggunaan ganjaran dalam pengajaran dan pembelajaran dari perspektif neurosains dan tradisi Islam: suatu perbandingan. Dimensi Islam dalam Wacana Sains. Ed Noor Naemah Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan.
- Big Think Editors. 2011. "Do people with autism experience emotions." <http://bigthink.com/ideas/do-people-with-autism-experience-emotions> diakses pada 6 Mei 2013.
- British Columbia. 2013. "Persons with disabilities." Kemas kini terakhir pada 8 Julai. <http://www.eia.gov.bc.ca/factsheets/2004/pwd.htm>.

- Centre for Disease Control and Prevention. 2011. <http://www.cdc.gov/ncbddd/hearingloss/types.html> diakses pada 3 Mac 2013.
- Cherry, Kendra. 2013. "Education: Theories of emotion." <http://psychology.about.com/od/psychologytopics/a/theories-of-emotion.htm> diakses pada 7 Februari 2013.
- Croen, Lisa A., Judith K. Grether, Cathleen K. Yoshida, Roxana Odouli dan Victoria Hendrick. 2011. "Antidepressant use during pregnancy and childhood autism spectrum disorders." *Arch Gen Psychiatry* 68: 1104-1112.
- Dalip, Abdul Raof. 1992. "Teknik pengajaran dan pembelajaran pengetahuan agama Islam di sekolah menengah." *Pendidikan Islam Malaysia*: 151 – 171.
- Digitale, Erin. 2011. "Non-genetic factors play surprisingly large role in determining autism, says study by group." *Stanford School of Medicine*. July 4. <http://med.stanford.edu/ism/2011/july/autism.html> diakses pada 5 Mac 2013.
- Hessl, David, Jennifer Dyer-Friedman, Bronwyn Glaser, Jacob Wisbeck, R. Gabriela Barajas, Annette Taylor, dan Allan L. Reiss. "The influence of environmental and genetic factors on behavior problems and autistic symptoms in boys and girls with fragile X syndrome." *Pediatrics* 108, 5 (2001): e88-e88.
- Idris, Abdul Razak dan Kevin Kellen Anis. 2011. Pembangunan perisian berbantuan komputer (PBK) matematik tingkatan satu bertajuk luas. Kertas Kerja Tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kandel, Eric R. dan James H. Schwartz. 1985. *Principles of neural science*. 2nd ed. Netherlands: Elsevier Science Publishing.
- Klin, Ami. 2006. "Autism and asperger syndrome: An overview." *Rev Bras Psiquiatr* 28: S3-S11.
- Mohamed Jamila, K. A. 2005. *Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohamed K. A., Razhiyah, K. A. 2006. *Anak istimewa: panduan bagi ibu bapa membesarkan anak istimewa*. Pahang: PTS Professional Publishing.
- Mohamed, Zulfa Izza, Rohaida Mohd. Saat, Mohamad Khairudin Bajuri, Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2010. "Penghafazan Al-Quran dalam sistem pendidikan: Suatu perbandingan teori dari perspektif neurosains dan Islam." *Prosiding Seminar "Islam Sains dan Teknologi: Kupasan Beberapa Isu Semasa"*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

- Mokhtar, Norhidayu. 2004. Membangunkan modul perisian alat bantu mengajar (ABM) berasaskan komputer bagi tajuk pergerakan bahan merentasi membrane plasma, biologi tingkatan empat. Latihan Ilmiah Ijazah Dasar, Universiti Teknologi Malaysia.
- Oberman, Lindsay M., Edward M. Hubbard, Joseph P. McCleery, Eric L. Altschuler, Vilayanur S. Ramachandran, dan Jaime A. Pineda. 2005. "EEG evidence for mirror neuron dysfunction in autism spectrum disorders." *Cognitive Brain Research* 24, 2: 190-198.
- Plimley, Lynn, Bowen Maggie, dan Morgan Hugh. 2007. *Autistic spectrum disorder in the early years*. London: Paul Chapman Publishing.
- Roslan, Nora Amirah dan Mohd Eddy Abdullah. 2011. Keberkesanan kaedah token semasa pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2*: 230-236.
- Rowland, Lewis P. 2005. *Meritt's Neurology*. New York: Columbia University Medical Center.
- Sahib, Siti Zarinah. 2012. "Anak Kurang Intelek Tidak Lemah." *myMetro*, Ogos 2. http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Anakkurangintelektidaklemah/Article/index_html diakses pada 3 Julai 2012.
- Salih bin Abdu Aziz bin Muhammad bin Ibrahim. 2000. *Kutub al-Sittah*. Arab Saudi: Darussalam.
- Samadi, Sayyed Ali, dan Roy McConkey. 2013. "The utility of the Gilliam autism rating scale for identifying Iranian children with autism." *Disability & Rehabilitation* 0: 1-5.
- Sayyid Qutb. 2008. *Tafsir di bawah naungan al-Quran juz 30*. Trans. Siti Rabi'ah Sarnap. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Singh, Er. Haojam Rocky dan Richa Chowdhary. 2009. *Dictionary of biosciences*. New Delhi: Jnanada Prakashan (P&D.).
- Skinner, Burrhus Frederic. 1988. *The operant behaviourism of B. F. Skinner: Comments and consequences*. USA: University of Cambridge.
- Sulaiman, Saat. 2006. *Panduan menjadi ibu bapa cemerlang*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. 2013. "Kategori Orang Kurang Upaya. Panduan." Kemas kini terakhir pada 2013. http://www.spa.gov.my/Portal/Kategori_OKU
- Syed Bidin, Sharifah Norshah Bani dan Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff. 2008. "Perubahan personality kesan uslub tabshir dan indhar: kajian kes di sekolah Henry Gurney (SHG)." *Jurnal Usuluddin* 27: 41-59.

- Undang-undang Malaysia. 2008. "Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)." Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Diakses pada 8 September 2013 <http://www.jkm.gov.my/oldsite16082013/images/stories/pdf/oku2008scan.pdf>.
- Woerkem, Astrid Van. 2010. "High functioning vs low functioning autism." Kemas kini terakhir April 17. <http://www.astridvanwoerkom.com/en/autism/functioning.html>.
- Zhang, Yawei. 2008. Encyclopedia of global health. Volume 1. California: SAGE Publications.